

Jangan perbesar isu perkauman

22 AUG 1985

LUBOK ANTU (Bahagian Kedua Sarawak) Rabu

DATUK SERI Dr Mahathir Mohamad berkata, soal-soal kecil yang membabitkan kepentingan kaum tidak seharusnya dijadikan penghalang kepada kewujudan kerjasama dan perpaduan di negara ini.

Sebaliknya Perdana Menteri menegaskan, rakyat berbilang kaum di negara ini harus mengutamakan matlamat dan kepentingan negara untuk menjamin kemajuan yang ber-

mendatang dan tidak juga memaksa mereka menukarkan nama seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain.

"Tetapi mereka harus menerima hakikat bahawa negara ini mempunyai satu bahasa rasmi yang boleh menjadi asas mengukuhkan perpaduan," katanya.

Bellau juga menyeru rakyat menolak tafsiran yang melampau dalam perkara-perkara seperti agama atau kebudayaan.

Katanya, ada kuasa di luar Barisan Nasional yang cuba menggunakan soal-soal seperti agama dan budaya untuk memecah-belahkan perpaduan yang telah wujud semata-mata untuk kepentingan politik masing-masing.

terusan.

Sewaktu merasmikan khemah kerja politik Pemuda Barisan Nasional di sini hari ini, beliau berkata, kaum-kaum di negara ini tidak harus terlalu taksud memperjuangkan perkara-perkara kecil untuk kepentingan kumpulan mereka, sedangkan perkara utama iaitu untuk sama-sama mendirikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan bermaruah, di belakangkan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menyekat penggunaan bahasa atau kebudayaan kaum-kaum yang

Bahasa rasmi

Rakyat juga harus sedar bahawa mereka tidak mungkin memperoleh apa saja yang mereka tuntut kerana ada pihak-pihak lain yang juga mempunyai hak yang sama.

"Korbankan sedikit kepentingan diri demi kemakmuran semua kerana akhirnya kita sendiri juga akan dapat merasai nikmatnya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, berkata hanya melalui konsep kerjasama seperti yang ada pada Barisan Nasional, jurang perbezaan antara kaum di negara ini dapat dikurangkan.

Konsep itu terbukti berjaya, dan dengan itu beliau berharap rakyat benar-benar memahami matlamat penubuhannya.

Beliau juga menyeru golongan muda di negara ini supaya memberi perhatian kepada semangat kerjasama yang wujud di kalangan kaum ketika sama-sama memperjuangkan kemerdekaan.

Pada waktu itu, katanya, semua perasaan yang sempit diketepikan dan sebaliknya rakyat mengutamakan perpaduan.

Merdeka

Malangnya, menurut Datuk Seri Dr Mahathir, ramai kalangan generasi muda sekarang gagal menghargai nilai-nilai perpaduan yang wujud ketika itu hingga membawa kemerdekaan negara, suatu nikmat yang disifatkannya sebagai mempunyai nilai yang tidak ada tolok bandingnya.

Beliau juga berpendapat, integrasi nasional akan dicapai dengan lebih mudah sekiranya semua rakyat sedar pentingnya 'kemewahan' yang dinikmati di negara ini sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berpendapat tajuk khemah kerja iaitu 'Ke Arah Pencapaian Matlamat Integrasi Nasional' sebagai amat sesuai dengan kehendak negara. — Bernama.